Tenaga pengajar perlu lengkapi diri

KUANTAN 1 Dis. – Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menyeru tenaga pengajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) agar melengkapkan diri mereka dengan teknik pembelajaran dan pengajaran (P&P) terkini bagi menggilap potensi pelajar untuk melahirkan graduan yang berkebolehan dan berketerampilan tinggi.

Ini kerana titah baginda, pihak majikan dan industri akan lebih berminat dengan graduan yang memiliki kemahiran tersebut berbanding graduan yang separuh masak akibat ketidaksesuaian dan kerapuhan struktur kuri-

k

"Setiap pensyarah perlu faham dan menghayati semangat pendidikan bahawa di mana-mana institusi, pelajar adalah keutamaan kita dan matlamat akhir kita ialah melahirkan seorang manusia dan bukannya robot," titah baginda.

Baginda bertitah demikian sewaktu berucap pada Majlis Konvokesyen ke-2 UMP yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela di Dewan Jubli

Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini hari i

Pada maj seramai 722
enerima lis itu, dan diplom graduan UMP
m ijazah a masing-ma-
sing. gku Abdull yang juga merupakan
Tem or UMP be ah, universiti juga mesti
mempunyai kadar pencapaian yang luas serta tinggi oleh anggota masyarakat dan konsep universiti sebagai menara gading tidak lagi
suai p ekarang.
s Titah ada zaman gi, tangg
baginda la apan itu perlu diubah bagi menjadikan universiti sebagai tempat yang subur serta makmur dengan percambahan pemikiran dalam semua bidang kehidupan di mana ia perlu menjadi tempat untuk berkongsi ilmu oleh segenap lapisan masyarakat dan bukan lagi hak eksklusif golongan tertentu.

"Sehubungan itu, saya menyeru agar pihak universiti memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu masyarakat sekeliling kampus sama ada di kampus sementara di Gambang mahu pun di Kuala Pahang kelak," ujar baginda

Dalam pada itu, Tengku Abdullah turut berharap semua hasil penyelidikan yang dilakukan oleh tenaga pakar UMP dapat dikomersialkan sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

"Saya tidak begitu pasti apakah yang berlaku kepada hasil penyelidikan tersebut sama ada ia sekadar dijadikan bahan arkib di makmal atau menjadi bahan pameran semata-mata.

"Justeru, saya amat berharap hasil penyelidikan itu dapat dikomersialkan atau pun setidak-tidaknya dijadikan bahan P&P untuk para pelajar," titah baginda.

Sementara itu, dua pelajar UMP iaitu Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Khor Huei Chen menerima Anugerah Diraja Pingat Jaya Cemerlang daripada Tengku Abdullah.

Syed Mohamad Hamzah merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) manakala Huei Chen adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian).

SYED Mohamad Hamzah Al Junid Syed Abdul Rahman menerima ciuman tahniah daripada ibunya, Sharifah Azizah Al Junid Syed Junid pada Majlis Konvokesyen Kedua Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Dewan Jubli Sultan Ahmad Shah, Kuantan, semalam.

Universiti Malaysia PERPUSTAKAAN
SUMBER : Utusan Malaysia
1/12/2007